

30/03/1997

Mahathir pulang

KUALA LUMPUR: Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pulang ke tanah air malam tadi dari Nagoya, Jepun, selepas menamatkan lawatan rasmi lima hari ke negara itu bagi mengukuhkan hubungan dua hala dan ekonomi.

Perdana Menteri dan Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali disambut di Lapangan Terbang Sultan Abdul Aziz Shah di Subang oleh Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Menteri Luar, Datuk Abdullah Ahmad Badawi, yang mengiringi Dr Mahathir dalam lawatan itu, tiba lebih awal dengan penerbangan lain.

Ketika lawatannya, Perdana Menteri menghadap Maharaja Akihito dan Maharani Michiko serta menemui rakan sejawatannya Ryutaro Hashimoto.

Dr Mahathir juga melawat Osaka, Fukuoka di selatan pulau Kyushu dan Nagoya sebelum berlepas ke Kuala Lumpur.

(END)